# SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN MEREKA GRAFIK POSTER "JOM SOLAT" SEMPENA SAMBUTAN MAULIDURRASUL 1439H/2017M PERINGKAT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

| | |
|---|---|
| 1 | **TEMA** |
| | • Jom Solat di Masjid UMS |
| 2 | **TARIKH & MASA** |
| | • Pertandingan akan diadakan sepanjang minggu Maulidurrasul bermula **13hb November 2017 sehingga 08hb Disember 2017.** |
| 3 | **TERMA & SYARAT** |
| | • **PENYERTAAN**<br>- Pertandingan ini terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu Kategori Kakitangan UMS, Pelajar UMS dan orang awam. Penyertaan daripada Urusetia Pertandingan (PIUMS) adalah tidak dibenarkan.<br>- Setiap penyertaan hendaklah disertakan dengan borang penyertaan yang lengkap dengan nama, alamat, nombor Kad Pengenalan, dan nombor telefon untuk dihubungi.<br>- **Setiap penyertaan hendaklah dihantar dalam bentuk *hard-copy (cetakan berwarna berukuran saiz A4-glossy paper)* dan *soft-copy* (format JPEG, beresolusi tinggi [300 dpi] disimpan di dalam *cd-rom* atau *thumb drive).***<br>- Peserta boleh menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan dengan menggunakan borang yang berlainan tetapi hanya berhak mendapatkan satu (1) hadiah sahaja.<br>- Sebarang kos yang dikeluarkan bagi tujuan penyertaan pertandingan ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh para peserta sendiri. |
| | • **POSTER**<br>- Semua penyertaan poster "Jom Solat di Masjid UMS" mestilah asli dan merupakan idea sendiri. Pihak penganjur berhak untuk menolak penyertaan atau membatalkan kemenangan yang diberikan sekiranya didapati hasil karya adalah tidak asli.<br>- Penyertaan akan terbatal dengan sendirinya sekiranya poster yang dihantar pernah memenangi atau menyertai pertandingan-pertandingan yang lain. |
| | • **HAK MILIK**<br>- Setiap gambar yang dikemukakan untuk dipertandingkan ini tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak milik mutlak pihak penganjur (PIUMS). |
| | • **PENILAIAN**<br>- Poster pertandingan akan dinilai berdasarkan pematuhan kepada tajuk pertandingan, terma dan syarat, kreativiti dan teknik mereka grafik yang terbaik.<br>- Penyertaan yang tidak mematuhi terma dan syarat tidak akan dinilai. |

- Keputusan hakim adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayan.

**4 YURAN PENYERTAAN**

- Yuran penyertaan adalah percuma.

**5 HADIAH (Setiap Kategori)**

| | | |
|---|---|---|
| Tempat Pertama | RM 100.00 | Sijil Penyertaan |
| Tempat Kedua | 70.00 | Sijil Penyertaan |
| Tempat Ketiga | 50.00 | Sijil Penyertaan |
| Semua Peserta Pertandingan | - | Sijil Penyertaan |

- **Pihak urusetia pertandingan berhak meminda nilai hadiah tanpa sebarang notis tertakluk kepada penyertaan.**

**6 TARIKH TUTUP PENYERTAAN**

- Borang penyertaan boleh didapati www.ums.edu.my/piums
- Borang yang telah lengkap beserta gambar penyertaan hendaklah dihantar sebelum atau pada **16HB FEBRUARI 2018** di alamat seperti berikut :-

  **PUSAT ISLAM**
  **UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**
  **JALAN UMS, 88400**
  **KOTA KINABALU, SABAH**
  **(U/P: EN. MALIK HANAFI ACHMAD ROFI'IE)**

- Para pemenang akan dihubungi melalui telefon.
- Sebarang kemusykilan atau pertanyaan, sila hubungi **En. Malik Hanafi ditalian 088-320000 ext 2740 atau 016-8264760** atau emelkan di malikhanafi@ums.edu.my.